



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PENAMAAN MENARA BANDARAYA MBSP

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**25 SEPTEMBER 2019 ( RABU )**  
**8:30 MALAM**

**MENARA BANDARAYA**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

---

*Ucapan YBhg. Dato' YDP MPSP 2019*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**T.Y.T Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abas**  
Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Binti Shariff**

**Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman**  
Timbalan Ketua Menteri I

**Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri II

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan  
Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Para tetamu yang hadir**

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian**

---

**Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri,  
Y.B. Dato' Seri dan YBhg. Datin Seri, YBhg. Dato'-Dato', YBhg. Datin-  
Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah rahmatnya dapat kita berkumpul bersama-sama pada malam ini yang penuh gilang gemilang ini bagi meraikan Majlis Penamaan **Menara Bandaraya**, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Sempena dengan Majlis yang diadakan pada malam ini, saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai dan penduduk Seberang Perai dengan penuh takzim dan penuh kesyukuran kehadrat Allah Swt, kemudiannya malahirkan ucapan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan memasyurkan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 16 September 2019 baru-baru ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri

Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow, YB Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa, Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, YB barisan EXCO kerajaan negeri Pulau Pinang dan YB Dato Seri Farizan Bin Hj Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana menyokong usaha-usaha MBSP untuk menjadi sebuah Bandar raya terbesar di negara ini.

Dikesempatan ini juga, saya ingin memberikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Majlis, seluruh jentera pentadbiran MBSP, yang selama ini telah bertungkus lumus menyumbang idea, menggalas tanggung jawab dan kepercayaan rakyat untuk memajukan Seberang Perai. Kepada barisan jentera MBSP dan Wira Oren MBSP, penaiktarafan ke Bandaraya adalah hasilnya dari titisan keringat suci dan penat lelah anda semua. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan media yang selama ini sentiasa membuat liputan ikhlas untuk dihidangkan kepada rakyat dan menjadi wadah komunikasi rakyat dan MBSP,

Syabas dan tahniah saya ucapkan buat anda semua.

**Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri, Y.B. Dato' Seri dan YBhg. Datin Seri, YBhg. Dato'-Dato', YBhg. Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Pada tanggal 16 September 2019 sempena Hari Malaysia, tarikh keramat secara rasminya MPSP telah dimasyurkan menjadi PBT yang ke 15 dinaiktaraf sebagai Majlis Bandaraya. Oleh yang demikian, kita perlu merasa bangga atas pencapaian Pulau Pinang di mana kita menjadi satu-satunya negeri di Malaysia bertaraf Bandar raya atau city state.

**Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri, Y.B. Dato' Seri dan YBhg. Datin Seri, YBhg. Dato'-Dato', YBhg. Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Penamaan Menara Bandaraya atau *City Tower* telah dipersetujui dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Pusat Setempat pada 12 September 2019. Menara Bandaraya atau *City Tower* MBSP terletak di Jalan Perda Utama, mempunyai keluasan tanah 10 ekar menjadi Ibu Pejabat pentadbiran MBSP. Tanah ini dibeli daripada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan harga RM13,503,600.00 pada 5 November 2001. Menara Bandaraya ini terdiri daripada 16 tingkat dan keluasan keseluruhan bangunan ialah 290,000 kp dan ketinggiannya ialah 90.527m.

Menara Bandaraya ini dibina secara “Design and Build”. Pembinaan bermula pada 15 November 2002 dan siap pada 31 Disember 2005 dengan kos sebanyak RM53,000,000.00 oleh Aseania Development Sdn. Bhd dan menara ini mula beroperasi pada tahun 2006.

Sebelum adanya Menara Bandaraya ini, perkhidmatan MBSP beroperasi di Jalan Dato Ahmad Said dan juga di WISMA UMNO Butterworth.

**Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri, Y.B. Dato' Seri dan YBhg. Datin Seri, YBhg. Dato'-Dato', YBhg. Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

MPSP telah berbelanja sebanyak 25.5 juta untuk mitigasi banjir, 62 juta untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dan 390 juta untuk peningkatan pembersihan di seluruh Seberang Perai, semenjak tahun 2015 hingga 2018. MBSP perlu mengukuhkan pengurusan *fiskal* supaya kedudukan kewangan akan terus kukuh untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Rakyat pasti akan tertanya-tanya apakah perubahan yang akan dibawa oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai selepas menjadi bandar raya atau hanya pertukaran pada nama sahaja.

Alhamdulillah, saya ingin memaklumkan bahawa MBSP telah berjaya menyediakan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari untuk Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Malahan ianya menjadi Kontrak Sosial bagi menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”. Kontrak sosial ini menandakan bermulanya era *Contemporary Society* yang berpegang kepada falsafah “ Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Berpaksikan Rakyat”.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada **4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

**Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri, Y.B. Dato' Seri dan YBhg. Datin Seri, YBhg. Dato'-Dato', YBhg. Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

InshaAllah, Kami berusaha untuk melaksanakan program-program yang menepati kehendak rakyat, memperluaskan perkhidmatan pembersihan am ke kampong-kampong, membersih pantai-pantai yang menjadi tumpuan beriadah, menyediakan empat jenis plan rumah kediaman setara bagi meningkat keupayaan memiliki rumah dan kualiti hidup, meningkatkan sistem penyampaian, membuka peluang peniagaan kepada B40 dan M40, melabur dalam alam bina untuk menjadi Seberang Perai resilient sejajar dengan **SDG 11 "Menjadikan Bandar dan Penempatan Manusia Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan dan Mampan"** dan juga seiring dengan **"Penang2030- A Family Focused Green and Smart State That Inspires The Nation"**.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan kerana sudi menghadiri program pada malam ini dan seterusnya merasmikan Penamaan "Menara Bandaraya", sempena pemasyuran Bandaraya Seberang Perai.

Akhir kata, Seberang Perai telah sampai dikemuncak penitian evolusi bandar. Seberang Perai tidak mendapat taraf Bandaraya secara kebetulan. Seberang Perai mencapai taraf Bandaraya di atas usaha gigih *Wira Orange*, pimpinan yang berwawasan, rakyat yang muafakat. Justeru, berkat perasmian Menara Bandaraya pada malam ini, marilah kita sama-sama berazam dan bertekad untuk mempertahankan anugerah ini dengan memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai “***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif Dan Bandaraya Pintar Dipacu Oleh Teknologi***”.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**